

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

PROGRAM *HAYYA BIL 'ARABIYYAH* SERLAHKAN BAKAT DAN KEYAKINAN PELAJAR UiTM MUKAH

Penulis: Muhammad Anas Abdul Razak

Mukah, 19 Januari 2025 – Program *Hayya Bil 'Arabiyyah* telah berlangsung dengan meriah di Dewan Judan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, menghimpunkan pelajar-pelajar daripada pelbagai program seperti BA119, BA111, IC001 dan IC002 yang mengikuti kursus Bahasa Arab (TAC101, TAC151, TAS080) bagi semester Oktober 2024 sehingga Februari 2025. Program ini telah dirancang khusus bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk mempersembahkan kemahiran berbahasa Arab yang telah dipelajari di dalam kelas melalui pertandingan lakonan Bahasa Arab. Pertandingan ini bukan sahaja menjadi medium pembelajaran interaktif, malah turut menjadi pentas mencungkil bakat pelajar dalam bidang lakonan.



Juara Pertandingan Lakonan Bahasa Arab bersama juri pertandingan

Pertandingan ini dinilai oleh barisan juri yang terdiri daripada pensyarah Akademi Pengajian Islam (ACIS) dan Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Kampus Mukah. Kumpulan pelajar semester 1 Diploma Pengajian Perniagaan telah dinobatkan sebagai pemenang utama dengan persembahan lakonan yang penuh bertenaga.

Lakonan mereka mengangkat kisah menyentuh hati tentang seorang anak yang sering dipandang rendah dan dianggap tidak mempunyai masa hadapan, namun berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selain itu, program ini berjaya meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab di hadapan khalayak ramai serta mengasah potensi mereka dalam bidang seni lakonan.

Kehadiran ramai pelajar daripada pelbagai program memeriahkan lagi suasana dan membuktikan sokongan padu terhadap inisiatif yang memperkasa penguasaan bahasa asing ini. Dengan kejayaan program ini, diharapkan lebih banyak aktiviti seperti ini dapat dianjurkan bagi memperkukuhkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar serta memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka di UiTM Kampus Mukah.

